



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 PULAU PINANG

Tel: 604-255 5500 – 507 (8 Talian)
Faks: 604-255 5577
e-Mail : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web:
<http://portalpp.anm.gov.my/penang>

Ruj. Kami : ANM PG.650 Jld. 2 (13)
Tarikh : 19 Jun 2019

Semua Ketua Jabatan/ Pusat Tanggungjawab yang berkenaan,

PENUTUPAN BEBERAPA CAWANGAN BANK CIMB

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/tuan/puan, JANM Pulau Pinang telah dimaklumkan oleh pihak CIMB Prangin Mall bahawa terdapat penutupan beberapa cawangan bank CIMB di negeri Pulau Pinang mulai **21 Jun 2019**. Berikut adalah senarai cawangan bank CIMB yang akan ditutup dan cawangan lain yang berdekatan bagi tujuan urusan bank di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ).

CAWANGAN BANK CIMB YANG AKAN DITUTUP	CAWANGAN BANK CIMB YANG BERDEKATAN BAGI URUSAN TERIMAAN	CAWANGAN BANK CIMB YANG BERDEKATAN BAGI URUSAN PENGELUARAN PANJAR
Balik Pulau	Jalan Mahsuri / Ayer Itam / USM/ Batu Maung atau berhampiran	Jalan Mahsuri
Dato Keramat	Prangin atau berhampiran	Prangin
Batu Feringghi	Prima Tanjung Tokong atau berhampiran	Prima Tanjung Tokong
Jelutong	Sri Damai atau berhampiran	Sri Damai
Nibong Tebal	Parit Buntar atau berhampiran	Parit Buntar

3. Sehubungan dengan itu, kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan/puan adalah dipohon bagi memastikan urusan berkaitan dilakukan di cawangan bank CIMB yang dinyatakan seperti di atas atau cawangan lain yang berhampiran dengan Pusat Tanggungjawab (PTJ) YBhg. Dato'/tuan/puan. JANM Pulau Pinang juga telah berbincang dengan pihak CIMB Prangin Mall untuk memaklumkan kepada pihak pengurusan CIMB Zon Utara bagi membantu memudahkan urusan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di cawangan yang terlibat.


4. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,


(NOR APZAH BINTI MD. ALI (C.A (M)))
Ketua Penolong Pengarah
b/p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang